

# Vaksin HPV jejaskan kesihatan?

Jaga kebersihan diri  
untuk kesihatan  
sejahtera.

Sinar 24/4/12 MS 2.

## HERBALIS BAHRAIN SAMAH, RH (AHG)

Sejak awal 2011, Kementerian Kesihatan memulakan program penyaksinan HPV (human papillomavirus) secara percuma ke sekolah seluruh negara melibatkan remaja tingkatan satu lelaki dan perempuan. Program ini disambut baik oleh ibu bapa dengan premis (andaian?) bahawa pemvaksinan HPV berupaya mencegah anak mereka daripada dijangkiti HPV pada masa hadapan.

Oral Cancer Foundation menyatakan lebih daripada 120 jenis virus HPV dikenal pasti. Beberapa jenis HPV dikaitkan dengan pembentukan kanser pangkal rahim. Jangkitan HPV jenis 16, 18, 31, 33, 35, 39, 45, 51, 52, 56, 58, 59, 66, 68, dan 73 adalah kategori risiko tinggi dan dikaitkan dengan pembentukan dysplasia (perubahan pra-kanser) dan kanser pangkal rahim.

HPV jenis 16 dan 18 pula dikaitkan dengan pembentukan 70 peratus kanser pangkal rahim. Di sini, perkara yang tidak diberitahu oleh golongan perubatan moden ialah HPV jenis lain yang menjangkiti secara semula jadi di mana vaksinnya belum dicipta akan menyebabkan 30 peratus kanser sama.

Vaksin HPV yang disuntik kepada murid lelaki dan perempuan serta boleh diambil golongan wanita secara percuma terdiri daripada empat jenis serpihan protein virus iaitu dari virus jenis 6, 11, 16 dan 18. Jenis 6 dan 11 dipercayai membantu mencegah jangkitan HPV ketuat manakala jenis 16 dan 18 dipercayai membantu mencegah infeksi kemabukan termasuk nekrosis

tempoh (217 kes), dan masalah kesihatan serius (3,463 kes).

Menurut CDC dalam *Reports of Health Concerns Following HPV Vaccination* (2009), sejumlah 26 juta dos Gardasil (tiga suntikan) dijalankan sehingga September 2009. Sehingga tempoh tersebut VAERS menerima sejumlah 15,037 laporan kesan sampingan selepas suntikan vaksin HPV.

Sebanyak lapan peratus daripada jenis laporan merupakan kesan sampingan serius termasuk kematian, hilang upaya kekal, penyakit mengancam kesihatan dan kemasukan ke hospital.

## Kesan sampingan

Namun CDC menafikan kaitan antara kesan sampingan serius dan vaksin HPV dengan alasan semua laporan mempunyai kaitan dengan masa sahaja. Maksud mereka ialah oleh sebab kesan sampingan dialami beberapa lama selepas (mungkin tempoh beberapa minggu) menerima suntikan. Apa pun yang berlaku ALLAH sahaja

Yang Maha Mengetahui hakikat sebenar.

Jangan lupa golongan pengkritik berilmu dapat melakukan andaian sekurang-kurangnya mendekati kebenaran terhadap apa yang berlaku berdasarkan ilmu seperti biokimia, kimia perubatan dan farmakologi!

Dalam artikel penulis berjudul *Di sebalik Bill Gates dan vaksin* (Sinar Harian, Mac 13 2012) menunjukkan Bill Gates ialah antara manusia yang berusaha menggunakan vaksin

Tidak mampu mencipta anti virus HPV, mereka mencipta vaksin dan untung berbilion dolar



Mengamalkan gaya hidup sihat dapat mengelakkan penyakit. - Gambar hiasan

nama murid di mana ibu bapa mereka bersetu

infeksi kemaluan termasuk pangkal rahim wanita.

Imuniti (kekebalan) terhadap HPV 16 dan 18 dikatakan mampu bertahan hingga lima tahun sejak mula disuntik. Golongan perubatan moden tidak memberitahu anda iaitu jika seseorang secara semula jadi dijangkiti keempat-empat jenis HPV ini atau daripada jenis lain, sesungguhnya sistem kekebalan anda membentuk pelalian/kekebalan sepanjang hayat!

## Risiko maut

Sistem Laporan Kesan Sampingan Buruk kerana Vaksin (*Vaccine Adverse Event Reporting System, VAERS*) milik bersama FDA (Jabatan Pertanian Persekutuan) dan Pusat Kawalan Penyakit (*CDC, Center for Disease Control*) melaporkan berlaku 111 kematian berpunca pempvaksin HPV di Amerika Syarikat sehingga Mac 2012. Jumlah gejala atau komplikasi keseluruhan yang dilaporkan ke VAERS sehingga Mac lalu ialah 25,548 kes.

Gejala selain kematian yang dilaporkan ke VAERS sehingga Mac lalu termasuk hilang upaya (844 kes), tidak sembuh daripada gejala tertentu (5,200 kes), *pap smear* tidak normal (475 kes), kelainan sel pangkal rahim (190 kes), kanser pangkal rahim (90 kes), mengancam nyawa (487 kes), masuk ke bilik kecemasan (9,599 kes), masuk hospital (2,571 kes), berada di hospital melebihi

berusaha menggunakan vaksin (selain penjagaan kesihatan moden dan perancang keluarga) untuk mengurangkan pertambahan penduduk dunia.

Donald Trump pula mengeluarkan kenyataan berbeza mengenai pelalian. Beliau menyatakan dalam Foxnews (April 2, 2012) bahawa dirinya benar-benar percaya Masalah Spektrum Autisme (*Autism Spectrum Disorders, ASD*) ada kaitan dengan pempvaksin.

Selain autisme, golongan pengkritik mengaitkan pempvaksin dengan pembentukan penyakit autoimium. Ia dipercayai berlaku kerana proses pempvaksin membelakangkan fungsi *immunoglobulin*. Jadi, pada masa hadapan *immunoglobulin E* menyerang sel-sel tubuh lalu menyebabkan alahan, asma, artritis, SLE, *fibromyalgia* dan lesu kronik.

FDA menyatakan dalam *Reclassification Petition for Human Papillomavirus (HPV) DNA, Nested Polymerase Chain Reaction (PCR) Detection Mac 7, 2007* "...Berdasarkan kepada keterangan saintifik yang diterbitkan sejak 15 tahun dahulu, secara umum dipersetujui bahawa sebarang jenis infeksi HPV tidak mempunyai kaitan dengan risiko kanser pangkal rahim. Kebanyakan infeksi akut oleh HPV berlaku pada tempoh terhad. Hanya infeksi secara kerap yang boleh menyebabkan pembinaan ketumbuhan dalam pembentukan kanser."

Apakah faktor yang menyebabkan infeksi HPV mudah dialami secara berulang-ulang? Golongan perubatan moden hanya menyebut faktor intervensi kelakuan seperti tidak menjaga kebersihan kemaluan, mengadakan hubungan seks luar nikah, hubungan seks pada usia muda kurang daripada 16 tahun, merokok dan minum alkohol.

Penulis lihat mereka meminggirkan faktor penting seperti nutrien tidak seimbang, detoksifikasi tidak sempurna, tubuh berasid, kerap menggunakan minyak pelincir berasaskan petroleum mengandungi bahan tambahan, penghidap HIV/AIDS yang terus-terusan ambil ubatan anti HIV, penagih dadah tegar, stres emosi keterlaluan/berpanjangan dan terdedah kepada bahan karsinogen.

## Ketahui hak anda

Kakitangan Kesihatan dan diharapkan tugas secara menghormati bapa dalam keputusan. Semak betul-betul persetujuan agar



**BAHRAIN SAMAH, RH (AHG):**

Herbalis profesional bertaraf dunia. Jurunding dan pendidik nutrisi holistik, Buku: Kawal Berat Badan, V. Aromaterapi, Serangan Jantung, Diabetes Jenis 2. Rawat Dengan Herba – Cegah Demam & Flu.

nama murid di mana ibu bapa mereka bersetuju anak menerima suntikan sahaja dimasukkan dalam suntikan. Dengan sikap menurut perintah (mungkin kerana takut untuk menyatakan ibunya tanda tidak setuju dalam borang), anak penulis telah disuntik vaksin HPV dos pertama. Kedua-dua pihak sekolah dan kakitangan kementerian Kesihatan perlu tingkatkan mutu kerja agar tidak dicap kerja sambil lewa. Lebih buruk jika mereka disangka sengaja memasukkan nama murid yang tidak bersetuju ke dalam senarai suntikan sebagai langkah 'paksaan'. Kalau murid senyap terus suntik. Sebaliknya kalau murid beritahu ibu bapa tidak setuju mereka tidak disuntik.

Senarai murid yang menerima suntikan patut dimiliki oleh pegawai kesihatan dan pihak sekolah. Ia bertujuan agar semakan boleh dibuat bagi mengelakkan penganiayaan terhadap murid di mana ibu bapa mereka tidak bersetuju anak mereka menerima suntikan.